

04/01/2003

Dr Mahathir melawat puncak Machinchang

Zehan Edreena, berusia 13 tahun. Kedua-dua mereka anak Melinda Mahathir. LANGKAWI, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan peribadi dua hari bersama isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Lawatan Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah turut ditemani dua cucu mereka, Engku Anisha Edlene Che Wan Mohd Adlil, 15, serta adiknya, Engku Zehan Edreena, berusia 13 tahun. Kedua-dua mereka anak Melinda Mahathir.

Beliau memulakan lawatan dengan menaiki kereta kabel di kompleks beli-belah bersepadu Oriental Village, Teluk Burau, untuk ke puncak Gunung Machinchang, produk pelancongan terbaru di pulau ini.

Beliau menghabiskan masa kira-kira setengah jam di stesen puncak gunung setinggi 708 meter itu untuk menyaksikan keindahan panorama sekeliling dan kehijauan hutan banjaran Machinchang.

Perkhidmatan kereta kabel itu mula beroperasi 1 November lalu dan kini menjadi antara destinasi `mesti lawat' pelancong ke sini apabila dianggarkan 2,000 pelancong menggunakan perkhidmatan itu setiap hari.

Sebanyak 35 gondola digunakan untuk membawa penumpang ke puncak gunung itu yang membabitkan perjalanan sejauh 2.2 kilometer.

Kereta kabel yang digerakkan dengan kuasa elektrik itu dilengkapi sistem keselamatan yang akan memastikan gondola kembali ke stesen utama di Oriental Village.

Tiga pangkalan disediakan untuk penumpang menaiki kereta kabel, iaitu stesen pangkalan, pertengahan dan puncak. Idea projek itu diilhamkan Dr Mahathir ketika melintasi Gunung Machinchang dengan helikopter pada 1999.